

**PUSPANITA CAWANGAN MESTECC
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

PELAWAAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA PENYEWAAN DAN PERKHIDMATAN TAMAN ASUHAN
KANAK-KANAK (TASKA) KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC), BLOK C4 & C5,
KOMPLEKS C, PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : MESTECC 100-7/3/1/SHARGA 1/2019

PUSPANITA CAWANGAN MESTECC

DOKUMEN PELAWAAN

SEBUT HARGA PENYEWAAN DAN PERKHIDMATAN TASKA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MUSTAHAK

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMAHAMI DAN MEMATUHI SYARAT DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI SEBUT HARGA INI

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah Penyewaan Bagi Perkhidmatan Pengendalian Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).
- 1.2 Sebut Harga ini tertakluk kepada Arahan kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga, dan Skop/ Spesifikasi.
- 1.3 Perkataan 'Penyebut Harga yang diterima' (*Approved Quotation*) bermakna Penyebut Harga yang diluluskan oleh pegawai yang menerima Sebut Harga dan Penyebut Harganya mematuhi semua syarat Sebut Harga ini.
- 1.4 Penyebut Harga dalam syarat ini adalah dimaksudkan kepada satu atau lebih daripada satu orang.
- 1.5 Sebut Harga hendaklah sah laku selama tempoh sembilan puluh **(90) hari** daripada tarikh tutup Sebut Harga seperti ditetapkan di dalam surat tawaran.
- 1.6 PUSPANITA Cawangan MESTECC tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang tertinggi atau mana-mana Sebut Harga.
- 1.7 Penyebut Harga yang berjaya (jika ada) akan diberitahu melalui surat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dan Sebut Harga hendaklah sah dalam tempoh tersebut. Penyebut Harga yang berjaya dipilih mestilah menandatangani surat perjanjian dan mengemukakan **deposit sewaan**

bersamaan dengan **tiga (3) bulan sewa dan bayaran sewa untuk bulan pertama melalui tunai atau bank deraf atau kiriman wang yang dibayar atas nama "PUSPANITA CAWANGAN MESTECC"**. Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa ada sebab-sebab munasabah untuk berbuat demikian.

2. SYARAT-SYARAT BAGI PENYEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut Harga yang dipelawa mestilah daripada syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 2.2 Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah merupakan jaminan ke atas Sebut Harga yang dikemukakan. Oleh itu, sekiranya Penyebut Harga menarik balik tawaran sebelum Sebut Harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Sebut Harga diberikan kepadanya, maka tindakan menggantung/ membatalkan pendaftaran akan diambil seperti berikut:
 - 2.2.1 menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - 2.2.2 menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - 2.2.3 pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan yang berikutnya.
- 2.3 Penyebutharga mesti berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memiliki Sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak atau PERMATA dan perlu memenuhi standard minimum yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3. LAWATAN TAPAK

- 3.1 Lawatan tapak akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti di bawah:

Tarikh	:	23 Mei 2019 (Khamis)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Aras 5, Blok C4, Kompleks C MESTECC 62662, PUTRAJAYA

- 3.2 Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan menghantar **dua (2) orang** wakil sahaja.

- 3.3 Kehadiran lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi Penyebut-penyebut Harga. Penyebut Harga **yang gagal menghadiri taklimat ini akan menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**
- 3.4 Penyebut Harga hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebelum mengikuti lawatan tapak tersebut. Dokumen yang perlu diserahkan di kaunter pendaftaran adalah :
- a) Borang Kehadiran Lawatan Tapak;
 - b) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
 - c) Sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak atau PERMATA yang masih berkuatkuasa.

4. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

- 4.1 Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai.
- 4.2 PUSPANITA Cawangan MESTECC tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran.
- 4.3 PUSPANITA Cawangan MESTECC berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
- 4.4 Sekiranya terdapat apa-apa perkhidmatan yang tidak diletakkan harga, maka ia akan dianggap bahawa kos item atau barangan tersebut telah pun dimasukkan di lain-lain bahagian atau barangan di dalam kos tersebut. Sebarang tuntutan tambahan untuk perkhidmatan tersebut tidak akan dilayan.
- 4.5 Penyebut Harga hendaklah mengganti rugi PUSPANITA Cawangan MESTECC dengan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang perlakuan, tuntutan, kos atau perbelanjaan yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh sebab-sebab atau pelanggaran paten hak milik dan reka bentuk, *trademark*, nama atau pun apa-apa hak yang dilindungi di dalam apa-apa kerja, material atau benda/sistem atau cara-cara menggunakan, cara-cara kerja atau susunan yang digunakan atau dibekalkan oleh Penyebut Harga.
- 4.6 Para 4.2 dan para 4.3 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak PUSPANITA Cawangan MESTECC untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.
- 4.7 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan mana-mana tawaran boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan PUSPANITA Cawangan MESTECC.

4.8 Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5. KEPERLUAN PENGENDALIAN TASKA

Skop perkhidmatan yang diperlukan adalah seperti dinyatakan di **Skop Penyewaan Dan Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC** seperti di **LAMPIRAN 1**.

6. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

Antara syarat-syarat perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh para pembekal adalah seperti berikut:

6.1 Perkhidmatan yang akan diberikan mestilah mematuhi piawaian spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak PUSPANITA Cawangan MESTECC.

6.2 Sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi piawaian spesifikasi yang ditetapkan setelah dipersetujui tawarannya, pihak PUSPANITA Cawangan MESTECC boleh menolak tawaran tersebut.

6.3 Penyebut Harga mestilah mematuhi kehendak arahan dan tawaran yang telah ditetapkan di dalam **dokumen pelawaan ini**.

7. SPESIFIKASI TEKNIKAL

7.1 Spesifikasi Teknikal seperti di **para 11.2** adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diuruskan seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacat dan menggagalkan tawaran pelawaan sebut harga.

7.2 Penyebut Harga dikehendaki membuat ulasan/ kenyataan yang sewajarnya di ruangan yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan penilaian terhadap tawaran yang dibuat.

7.3 Sebelum menghantar tawaran Sebut Harga, Penyebut Harga hendaklah memeriksa dokumen Sebut Harga dan sebarang kekeliruan hendaklah mendapatkan penjelasan dan pengesahan daripada PUSPANITA Cawangan MESTECC.

7.4 Sebarang tuntutan berkenaan alasan ketidaktahuan (*plea of ignorance*) yang dibuat kemudian tidak akan dilayan.

8. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

Tarikh dan masa tutup bagi penerimaan tawaran Sebut Harga ini adalah seperti berikut:

Tarikh Tutup	:	31 Mei 2019 (Jumaat)
Masa	:	12.00 Tengah hari
No. Rujukan	:	MESTECC 100-7/3/1/SHARGA 1/2019

9. DOKUMEN SEBUT HARGA

9.1 Penyebut Harga dikehendaki mengisi dan mengemukakan dokumen dengan lengkap segala butir-butir di dalam Lampiran berikut:

Dokumen Kewangan:

- 9.1.1 Lampiran A - Keterangan Mengenai Penyebut Harga
- 9.1.2 Lampiran B - Surat Akuan Penyebut Harga
- 9.1.3 Lampiran C - Akuan Pembida
- 9.1.4 Lampiran D - Keterangan Mengenai Rasuah
- 9.1.5 Lampiran E - Senarai Pengalaman Syarikat
- 9.1.6 Lampiran G - Jadual Kadar Harga Tawaran
- 9.1.7 Dokumen sokongan Kewangan:
 - i. Salinan Akaun Bank 3 bulan terkini (**Februari 2019, Mac 2019 dan April 2019**) yang disahkan oleh Pegawai Bank; (WAJIB)
 - ii. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (WAJIB)
 - iii. Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera (Jika ada);
 - iv. Salinan Akaun Syarikat Bagi Tiga Tahun Terakhir Yang Diaudit Oleh Juruaudit Bertauliah (jika berkaitan); dan
 - v. Salinan Surat Setuju Terima daripada Agensi Kerajaan atau Swasta dari tahun 2016 (jika ada).

Dokumen Teknikal

9.1.8 Lampiran H - Senarai Pekerja/Kakitangan (WAJIB)

9.1.9 Lampiran J - Cadangan Menu Makanan (WAJIB)

9.1.10 Lampiran K - Jadual Waktu Aktiviti (WAJIB)

9.1.11 Dokumen sokongan Teknikal

a) Salinan Pengesahan Suntikan *Typhoid*.

b) Salinan Sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (WAJIB)

10. PERATURAN MENGISI DAN MENGIKIRIM DOKUMEN

10.1 Sampul surat Sebut Harga

Tawaran hendaklah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat berlakri (*sealed*) **BAHAGIAN I** dan **BAHAGIAN II** iaitu:-

Sampul surat pertama 'BAHAGIAN I'

Sampul surat ini hendaklah ditandakan dengan **BAHAGIAN I** di sudut sebelah atas kiri dan dicatatkan dengan:

SULIT

**SEBUT HARGA BILANGAN MESTECC 100-7/3/1/SHARGA 1/2019
TAWARAN KEWANGAN**

Sampul surat kedua 'BAHAGIAN II'

Sampul surat ini hendaklah ditandakan dengan **BAHAGIAN II** di sudut sebelah atas kiri dan dicatatkan dengan:

SULIT

**SEBUT HARGA BILANGAN MESTECC 100-7/3/1/SHARGA 1/2019
TAWARAN TEKNIKAL**

10.2 Alamat sampul surat

Kedua-dua sampul surat (**BAHAGIAN I** dan **BAHAGIAN II**) ini hendaklah dimasukkan ke dalam **satu (1) sampul surat** yang berlakri (*sealed*) dan ditanda bahagian hujung atas sebelah kiri sampul surat itu dengan dituliskan **Tajuk Sebut Harga dan no. Sebut Harga MESTECC 100-**

7/3/1/SHARGA 1/2019 di atas sampul surat berkenaan (**Maklumat ini WAJIB** diisi. Jika tidak, markah penilaian tawaran pembida akan terjejas).

Nota: Tawaran Sebut Harga dengan mengikut kategori hendaklah dibuat **tiga (3) salinan** dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Satu (1) salinan di tanda '**SALINAN ASAL**' manakala yang lain di tanda '**SALINAN 1**', dan '**SALINAN 2**', . Sekiranya terdapat sebarang ketidaksamaan antara salinan-salinan tersebut, salinan asal akan digunakan.

dan sampul surat hendaklah dialamatkan kepada:

**PENGERUSI
PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)
CAWANGAN KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)
BLOK C4 & C5, KOMPLEKS C
62662, PUTRAJAYA**

- 10.3 Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang telah ditetapkan beralamat seperti:

**BAHAGIAN KEWANGAN
ARAS 7, BLOK C4
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)
KOMPLEKS C
62662, PUTRAJAYA**

- 10.4 Penyebut Harga adalah dilarang menulis atau mencatatkan nama/ tanda syarikat di dalam dokumen tawaran teknikal. Perlanggaran mematuhi syarat ini akan menyebabkan tawaran Penyebut Harga ditolak.
- 10.5 Tawaran Sebut Harga juga boleh dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta. Bagaimanapun PUSPANITA Ibu Pejabat MESTECC tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung sebarang kelewatan atau sebagainya terhadap tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta.

11. FORMAT DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen-dokumen (jadual-jadual) yang WAJIB diisi dan dikembalikan ialah:

11.1 BAHAGIAN I – TAWARAN KEWANGAN

a) Isi Kandungan

Mestilah terdapat satu atau lebih muka surat yang menunjukkan struktur penyusunan dokumen Sebut Harga (*Table of Content*) mengikut seksyen dan seksyen kecil.

b) LAMPIRAN A – Keterangan Mengenai Penyebut Harga

Penyebut Harga **WAJIB** mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan dalam jadual ini.

- i. Nama dan alamat syarikat hendaklah nama syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian kewangan. Walau bagaimanapun, Penyebut Harga boleh memberi alamat tambahan untuk tujuan surat menyurat.
- ii. Nyatakan modal daripada punca-punca lain seperti simpanan, saham, kemudahan pinjaman bank dan jika menggunakan perkhidmatan Urusan Pemfaktoran, jika syarikat bukan Sendirian Berhad (**sila lampirkan satu salinan punca modal syarikat yang diakui sah**).
- iii. Penyebut Harga hendaklah menyatakan pengalaman dan reputasi dalam bidang pembekalan dan perkhidmatan berkaitan. Tempat dan tempoh hendaklah dinyatakan.

c) LAMPIRAN B – Surat Akuan Penyebut Harga

- i. Jadual ini merupakan pengesahan dari Penyebut Harga untuk mematuhi semua arahan, syarat-syarat Sebut Harga, tawaran harga, tempoh sah laku tawaran.
- ii. Penyebut Harga hendaklah menandatangani jadual ini. Tawaran tidak akan dipertimbangkan jika jadual ini tidak ditandatangani dan tidak dikemukakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen lain.

d) LAMPIRAN C – Akuan Pembida

e) LAMPIRAN D – Keterangan Mengenai Rasuah

f) LAMPIRAN E – Senarai Pengalaman Syarikat

g) LAMPIRAN G – Jadual Kadar Harga Tawaran

- i. Semua harga perlu di nyatakan dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**
- ii. Lampiran ini mengandungi jenis item yang akan dibekalkan. Penyebut Harga adalah dikehendaki menyatakan kadar harga seunit item bagi item tersebut dan menjumlahkan harga dengan betul untuk mendapatkan kadar harga keseluruhan.
- iii. Harga-harga bekalan hendaklah meliputi semua perbelanjaan.
- iv. Isikan kesemua Jadual Harga seperti di **LAMPIRAN G** dokumen Sebut Harga ini.
- v. Jika sesuatu perkara yang dinyatakan di dalam Jadual Harga itu adalah percuma atau tidak berkaitan, Penyebut Harga tidak perlu menyatakan kos untuk perkara tersebut.
- vi. Penyebut Harga boleh menggunakan format Penyebut Harga untuk menyenaraikan kos Sebut Harga jika format di **LAMPIRAN G** dianggap tidak sesuai. Walau bagaimanapun format Penyebut Harga mesti mempunyai ciri-ciri yang menepati format seperti dilampirkan.
- vii. Penyebut Harga hendaklah memastikan setiap Jadual Harga yang disertakan **ditandatangani dan bercop rasmi syarikat**.

h) Dokumen sokongan Kewangan:

- i. Salinan Akaun Bank 3 bulan terkini (**Februari 2019, Mac 2019 dan April 2019**) yang disahkan oleh Pegawai Bank; (WAJIB)
- ii. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (WAJIB)
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera (Jika ada);
- iv. Salinan Akaun Syarikat Bagi Tiga Tahun Terakhir Yang Diaudit Oleh Juruaudit Bertauliah (jika berkaitan); dan
- v. Salinan Surat Setuju Terima daripada Agensi Kerajaan atau Swasta dari tahun 2016 (jika ada).

11.2 BAHAGIAN II – TAWARAN TEKNIKAL

Penyebut Harga adalah diWAJIBkan supaya tidak menzahirkan apa-apa cara sekalipun nama, alamat dan logo syarikat atau apa-apa tanda pengenalan syarikat pada setiap muka surat dokumen tawaran teknikal.

a) Isi kandungan

Mestilah terdapat satu atau lebih muka surat yang menunjukkan struktur penyusunan dokumen Sebut Harga (*table of content*) mengikut seksyen dan seksyen kecil.

b) LAMPIRAN H – Senarai Pekerja/ Kakitangan (WAJIB)

c) LAMPIRAN J – Cadangan Menu Makanan (WAJIB)

d) LAMPIRAN K – Jadual Waktu Aktiviti TASKA

e) Dokumen sokongan Teknikal

i. Salinan Pengesahan Suntikan *Typhoid*.

ii. Salinan Sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (WAJIB)

11.3 Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan sama ada ditaip atau ditulis dengan kemas dan terang. Maklumat yang tidak jelas akan menjejaskan tawaran yang dibuat. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut Harga dibenarkan menaip atau menulis maklumat itu di dalam kertas tambahan. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh Penyebut Harga dan diberi tarikh serta diletakkan cop syarikat.

12. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Semua tawaran harga yang ditawarkan di dalam dokumen Sebut Harga ini hendaklah sah dan tidak boleh ditarik balik dalam tempoh sekurang-kurangnya **90 hari** dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

13. PEMBATALAN PERKHIDMATAN DALAM SEBUT HARGA

13.1 PUSPANITA Cawangan MESTECC berhak membatalkan salah satu perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Sebut Harga ini pada bila-bila masa, sekiranya diperlukan.

13.2 Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut Harga kerana urusan Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Penyebut Harga dan pihak PUSPANITA Cawangan MESTECC tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

14. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

14.1 PUSPANITA Cawangan MESTECC berhak mempersetujui Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

14.2 PUSPANITA Cawangan MESTECC tidak terikat mempersetujui Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga jua pun.

14.3 PUSPANITA Cawangan MESTECC akan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya apabila tawarannya dipersetujui.

14.4 Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian kepada syarat-syarat tawaran. Sebut Harga itu tidak boleh diterima sehinggalah persetujuan bertulis daripada Penyebut Harga menyatakan bahawa pengubahsuaian syarat itu adalah diterima.

14.5 Apabila dipersetujui maka suatu perjanjian hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara PUSPANITA Cawangan MESTECC dengan Penyebut Harga dan suatu perjanjian akan diadakan selepas persetujuan tersebut.

15. KEPUTUSAN SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

PUSPANITA Cawangan MESTECC tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebut Harga-Penyebut Harga. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga ini tidak akan dilayan.

16. BANTAHAN

Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan penentuan Spesifikasi Teknikal yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh Penyebut Harga dalam tempoh **tujuh (7)** hari daripada tarikh iklan tawaran Sebut Harga. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada:

**PENGERUSI
PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)
CAWANGAN KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)
BLOK C4 & C5, KOMPLEKS C
62662, PUTRAJAYA**

17. URUS SETIA SEBUT HARGA

17.1 Penyebut Harga yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai yang dinyatakan di bawah atau secara bertulis seperti alamat di para 10.2 (untuk perhatian:)

Unit Teknikal :

a) Encik Gan Chiew Leng

03-88858785

- b) Puan Normala binti Alias
03-88858257

18. TAWARAN HARGA PENYEBUT HARGA

- 18.1 Pembayaran akan dikenakan ke atas perkhidmatan yang sebenar sahaja tertakluk kepada perubahan atau penambahan dalam skop perkhidmatan.
- 18.2 Pengusaha TASKA yang berjaya hendaklan membayar deposit kepada Kerajaan sebanyak **tiga (3) bulan kadar sewaan dan bayaran sewa untuk bulan pertama** melalui tunai atau bank deraf atau kiriman wang yang di bayar atas nama "**PUSPANITA CAWANGAN MESTECC**".

19. POLISI INSURANS

- 19.1 Penyebutharga yang berjaya adalah **dinasihatkan** untuk mengambil satu polisi insurans dengan perbelanjaan sendiri daripada syarikat insurans yang diperakui iaitu Polisi Insurans Ganti Rugi Pekerja dengan Endorsement A dan B (*Workmen's Compensation Insurance with Endorsement 'A' dan 'B'*) dan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan lain-lain insurans yang berkaitan.

20. AKTA-AKTA YANG BERKAITAN

- 19.2 Pengusaha adalah diingat supaya memberi perhatian mengenai:

- a) Akta Kanak-kanak 2001 - Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007;
- b) Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai) 2009;
- c) Peraturan-peraturan Asrama Akhlak 1982;
- d) Kaedah-kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan) 1982;
- e) Peraturan-Peraturan Tempat Tahanan 1950;
- f) Peraturan-Peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (Prosedur & Amalan) 1995;
- g) Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kebajikan Juvana (Perlembagaan dan Kewajipan-Kewajipan) 1976;

- h) Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Di Institusi) 1985;
- i) Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Borang dan Daftar Ditetapkan) 2007; dan
- j) Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

21. PEKERJA

Pengusaha hendaklah menyatakan dalam **LAMPIRAN H** jumlah pekerja-pekerja yang akan diperuntukkan bagi mengendalikan kontrak ini. Jumlah hendaklah berpadanan dengan bebanan kerja yang akan dijalankan.

22. KONTRAK

Pengusaha yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan PUSPANITA Cawangan MESTECC dan membayar ganti rugi jika tidak mematuhi kontrak. Sebarang tuntutan kepada syarat Tawaran Harga hendaklah dibuat semasa mengemukakan Dokumen Tawaran Harga ini. Syarat Tawaran Harga ini dan Spesifikasi Perkhidmatan adalah saling mengikat Pengusaha yang berjaya sementara menunggu kontrak rasmi ditandatangani.

23. PENUTUP

Penyebut Harga dinasihatkan agar memberi perhatian terhadap arahan-arahan yang terkandung di dalam dokumen pelawaan semasa mengisi dokumen-dokumen tawaran. Ini untuk memastikan segala maklum balas yang diperlukan difahami dan dipatuhi oleh Penyebut Harga.

**SKOP PENYEWAAN DAN PERKHIDMATAN TAMAN ASUHAN
KANAK-KANAK (TASKA) KEMENTERIAN TENAGA, SAINS,
TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(MESTECC)**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di tempat kerja Ibu Pejabat MESTECC adalah merupakan satu kemudahan yang disediakan hanya kepada kakitangan Ibu Pejabat MESTECC sahaja.
- 1.2 Lokasi Pelaksanaan perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) adalah di Aras 1, Blok C4, Komplek C, MESTECC.
- 1.3 Segala urusan pentadbiran, penyelarasan dan pemantauan diuruskan oleh PUSPANITA Cawangan MESTECC dan Jawatankuasa Pemantauan TASKA MESTECC yang telah dilantik.

2.0 STATUS PENYEBUT HARGA

- 2.1 Penyebutharga perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memiliki Sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak atau PERMATA dan perlu memenuhi standard minimum yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- 2.2 Penyebutharga diwajibkan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengurusan TASKA atau Pusat Penjagaan. Bukti Pengalaman penyebutharga hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan kertas cadangan sebutharga di **LAMPIRAN E**.
- 2.3 Kegagalan penyebutharga mengemukakan maklumat dan dokumen terlibat boleh mengakibatkan tawaran tidak dipertimbangkan.

3.0 SKOP PELAKSANAAN SEBUTHARGA

- 3.1 Penyebutharga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) kepada ibu bapa/ penjaga yang bekerja di Ibu Pejabat MESTECC.
- 3.2 Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang diberikan adalah untuk penjagaan kanak-kanak berumur 2 bulan – 4 tahun. Kategori kanak-kanak tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN F**.
- 3.3 Lokasi perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC ialah di:
 - 3.3.1 Aras 1, Blok C4, MESTECC, Kompleks C, PUTRAJAYA

3.4 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC hendaklah beroperasi 5 hari dalam seminggu mengikut sesi berikut :-

3.4.1 Isnin hingga Jumaat dari 7.00 pagi hingga 6.00 petang

3.5 PUSPANITA Cawangan MESTECC bertanggungjawab menetapkan tempoh masa ini mengikut kesesuaian waktu bekerja ibu bapa/ penjaga.

4.0 TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah untuk tiga (3) tahun. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak perkhidmatan ini adalah bergantung kepada prestasi perkhidmatan yang dikendalikan oleh penyebutharga.

5.0 BAYARAN PERKHIDMATAN ASUHAN

5.1 Penyebutharga perlu menentukan bayaran perkhidmatan asuhan bagi setiap bayi dan kanak-kanak berdasarkan kepada perbelanjaan asas dan perbelanjaan operasi. Perincian bayaran adalah seperti berikut :-

5.1.1 Yuran pendaftaran

5.1.2 Yuran bulanan

5.2 Penyebutharga perlu mengenakan yuran bulanan yang berbeza mengikut kategori sepertimana di **LAMPIRAN F** iaitu :-

5.2.1 bagi kanak-kanak berumur 2 bulan – 6 bulan, yuran adalah termasuk penjagaan yang rapi.

5.2.2 bagi kanak-kanak berumur 7 bulan – 4 tahun, yuran adalah termasuk makan, minum dan penjagaan yang rapi. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kesesuaian makanan dan minuman sekiranya beresuaian.

5.3 Sebarang penentuan dan perubahan harga bayaran perkhidmatan asuhan hendaklah melalui PUSPANITA Cawangan MESTECC dan Jawatankuasa Pemantauan TASKA MESTECC.

5.4 Jumlah pengambilan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) perlu mematuhi bilangan maksima yang telah ditetapkan oleh JKM iaitu 3.5 kanak. Kapasti premis yang direkabentuk adalah 57 orang bayi/ kanak – kanak.meter persegi bagi seorang kanak-

5.5 Kadar cadangan bayaran perkhidmatan pengurusan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengikut peringkat umur perlu dinyatakan seperti di **LAMPIRAN G**.

6.0 PENGAMBILAN TENAGA KERJA

- 6.1 Penyebutharga perlu menyediakan nisbah bilangan pengasuh dengan kanak-kanak yang mencukupi tidak termasuk tukang masak atau tukang cuci seperti yang ditetapkan iaitu :-
 - 6.1.1 Di bawah umur 2 tahun = 1: 4
 - 6.1.2 3 tahun hingga 4 tahun = 1: 10
- 6.2 Pengasuh mestilah **WARGANEGARA MALAYSIA** dan berumur 18 tahun ke atas;
- 6.2 Pengasuh dan pekerja TASKA hendaklah dibayar amaun gaji minimum yang sedang berkuat kuasa.
- 6.3 Pengasuh perlu menghadiri dan lulus **Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak Permata (KAAKP)**. Salinan sijil latihan yang diikuti perlu diserahkan kepada pihak PUSPANITA Cawangan MESTECC.
- 6.4 Penyebutharga perlu memberi latihan dan orientasi kepada pekerja/ pengasuh sebelum mula berkhidmat di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC. Bukti pekerja/ pengasuh menjalani orientasi perlu dikemukakan secara bertulis kepada PUSPANITA Cawangan MESTECC dalam tempoh satu (1) bulan pertama bekerja di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC.
- 6.5 Senarai pekerja untuk perkhidmatan pengurusan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengikut peringkat umur perlu dikemukakan seperti di **LAMPIRAN H**.

7.0 SEWA RUANG PREMIS

- 7.1 Penyebutharga dikehendaki menjelaskan bayaran sewa bulanan ruangan premis yang digunakan kepada pihak PUSPANITA Cawangan MESTECC. Semua bayaran sewa perlu dijelaskan **pada atau sebelum 7 haribulan berikutnya**. Surat amaran dan susulan akan dikeluarkan sekiranya penyebutharga gagal membuat bayaran bagi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut.
- 7.2 Harga tawaran yang diberikan oleh pengusaha semasa menyertai sebut harga ini adalah muktamad.

Kadar Tawaran Sewa Premis : RM3,100.00/ bulan
(Ringgit Malaysia Lapan Ratus)
- 7.3 Maklumat serta kemudahan yang disediakan di dalam premis adalah seperti pelan lantai di **LAMPIRAN I**.

8.0 UTILITI

8.1 Bil elektrik dan bil air telah **termasuk di dalam harga sewa.**

9.0 MASA OPERASI PERKHIDMATAN ASUHAN

9.1 Tempoh masa operasi di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC perlu merujuk kepada perkara 3.4.

9.2 Pihak penyebutharga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC mesti bersedia beroperasi lebih masa. Kadar lebih masa adalah ditentukan mengikut setiap jam.

9.3 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC dibenarkan bercuti pada perayaan utama dan hari kelepasan am sahaja.

9.4 Penyebutharga perlu membuat permohonan cuti secara bertulis bagi bercuti selain daripada cuti perayaan utama dan hari kelepasan am perlu untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada PUSPANITA Cawangan MESTECC. Permohonan cuti yang dikemukakan perlu satu (1) bulan lebih awal dari tarikh cuti tersebut.

10.0 PENYEDIAAN RUANG

10.1 Ruang di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan perlu disusun dengan tujuan menyokong perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

10.2 Keselamatan kanak-kanak perlu diutamakan dalam segala penyusunan ruang dan penyediaan bahan / kelengkapan.

10.3 Perabot dan peralatan perlu dipilih mengikut keperluan dan peringkat umur kanak-kanak.

10.4 Semua kelengkapan perabot dan bahan-bahan keperluan kanak-kanak perlu berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan.

10.5 Ruang dibahagikan mengikut pelbagai sudut dan dilengkapi dengan perabot yang minima untuk membolehkan kanak-kanak bergerak dengan bebas.

- 10.6 Perabot dan aset TASKA sedia ada hendaklah direkodkan dan dipersetujui antara penyebutharga dan PUSPANITA Cawangan MESTECC sebelum bermulanya operasi TASKA. Sebarang perabot /aset TAKSA disediakan mengikut *as-is basis* dan hendaklah dijaga rapi oleh penyebutharga/ operator TASKA daripada sebarang kerosakan atau kecuaiian kecuali keadaan *wear and tear*.

11.0 PENYEDIAAN MAKANAN

- 11.1 Makanan mesti disediakan di premis Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) MESTECC kecuali yang dibekalkan oleh ibu-bapa.
- 11.2 Menu yang disediakan mestilah mematuhi makanan seimbang dan berkhasiat bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak serta mengamalkan gaya hidup sihat mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 11.3 Penyebutharga perlu mengemukakan cadangan menu mengikut peringkat umur dalam **LAMPIRAN J**.
- 11.4 Semua makanan dan minimum perlu disediakan dengan halal, bersih dan selamat. Ia juga hendaklah disediakan dalam pelbagai cara bagi menarik minat kanak-kanak.
- 11.5 Hidangan makanan perlu disediakan untuk 2 waktu makan utama (sarapan pagi dan makan tengahari) dan 2 waktu makan sampingan (snek pagi dan snek petang).
- 11.6 Air minuman/ masak yang telah dididihkan mesti sentiasa disediakan di Pusat Penjagaan, MESTECC.
- 11.7 Hidangan buah-buahan perlu diberi sekurang-kurangnya satu kali sehari sementara hidangan sayuran dan lauk setiap kali waktu makan utama.
- 11.8 Minuman seperti kopi dan teh tidak digalakkan dan harus digantikan dengan susu.
- 11.9 Penyebutharga dan pekerja Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengambil maklum sekiranya kanak-kanak di bawah jagaan mempunyai masalah alahan terhadap makanan tertentu supaya makanan khas boleh dibekalkan kepada mereka.
- 11.10 Penyebutharga dan pekerja TASKA hanya dibenarkan menggunakan peralatan memask seperti *air fryer*, *microwave*, *rice cooker*, *induction cooker* dan peralatan – peralatan lain yang tidak menggunakan *burner* (sumber api & gas). Operator TASKA bertanggungjawab menjaga kebersihan peralatan.

12.0 AKTIVITI TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)

